

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG  
[ TANJONG MALIM ]**

**SOALAN**

**TUAN CHANG LIH KANG [ TANJONG MALIM ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama semua lantikan politik di bawah seluruh Kementerian, serta gaji, elaun dan peruntukan yang disediakan untuk jawatan-jawatan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) menjalankan urusan pengambilan dan pelantikan ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan selaras dengan Perkara 144, Perlembagaan Persekutuan. SPA menguruskan pelantikan anggota perkhidmatan awam bagi lantikan tetap, sementara dan kontrak untuk mengisi kekosongan jawatan di Kementerian/Jabatan/SUK tertentu termasuk di pejabat Menteri dan Timbalan Menteri.

Pelantikan di bawah SPA dibuat berdasarkan peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa dan tiada istilah "lantikan politik" digunakan. Pelantikan di pejabat Menteri dan Timbalan Menteri adalah mengikut perjawatan, urusan perkhidmatan dan Jadual Jumlah Pendapatan (JJP) yang telah

## SOALAN NO : 111

ditetapkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018 (PP 2/2018) yang boleh dilaksanakan melalui kontrak, peminjaman, pertukaran sementara dan penempatan khas dari kalangan pegawai skim perkhidmatan tertentu. Sehingga 26.10.2020, seramai **260** pegawai telah dilantik yang terdiri daripada **44** penempatan khas, **49** pertukaran sementara/peminjaman dan **167** orang pegawai telah dilantik kontrak di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri susulan daripada pembentukan Kabinet Kerajaan pada 09.03.2020.

Pelantikan kontrak pegawai adalah mengikut perjawatan yang telah ditetapkan di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri melalui perenggan 7, PP 2/2018 seperti jadual di **Lampiran A**. Setiap pelantikan kontrak bagi jawatan Setiausaha Sulit Kanan, Pegawai Tugas-Tugas Khas, Setiausaha Akhbar dan Setiausaha Sulit adalah mengikut perakuan daripada Kementerian dan tertakluk kepada persetujuan YAB Perdana Menteri selaras dengan perenggan 14.3(a), PP 2/2018.

Penetapan Jumlah Pendapatan adalah mengikut perenggan 20.3(a), PP 2/2018 yang telah menetapkan bahawa penetapan gaji permulaan bagi pelantikan kontrak adalah pada gaji minimum di atas Jadual Jumlah Pendapatan (JJP) mengikut gred jawatan seperti di **Lampiran B** dan boleh dipertimbangkan penetapan gaji yang lebih tinggi mengikut tempoh pengalaman berdasarkan panduan pengiraan seperti di **Lampiran C**.

Bayaran emolument pegawai adalah mengguna pakai peruntukan kewangan sedia ada Kementerian masing-masing berdasarkan perjawatan yang telah ditetapkan melalui pekeliling tersebut. Pegawai-pegawai yang dilantik tersebut dikategorikan sebagai penjawat awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sekian, terima kasih.

**PERJAWATAN DI PEJABAT MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI  
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2018**

<b>PEJABAT MENTERI</b>				
<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>GRED JAWATAN</b>	<b>BIL. PERJAWATAN</b>
1	Setiausaha Sulit Kanan	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M48 / M52 / M54	1
2	Pegawai Tugas-Tugas Khas	Terbuka	54 (Terbuka)	1
3	Pegawai Tugas-Tugas Khas	Terbuka	48 / 52 (Terbuka)	2
4	Setiausaha Akhbar	Terbuka	48 / 52 / 54 (Terbuka)	1
5	Setiausaha Sulit	Penolong Pegawai Tadbir/ Pegawai Tadbir/ Pegawai Tadbir & Diplomatik	N36 / N41 / M41 / N44 / M44	1
6	Pembantu Khas untuk Setiausaha Politik	Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	N19 / N22	1
7	Pembantu Khas untuk Setiausaha Sulit Kanan	Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	N19 / N22	1
8	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N19 / N22	1
9	Pembantu Operasi	Pembantu Operasi	N11 / N14	1
<b>JUMLAH</b>				<b>10</b>

<b>PEJABAT TIMBALAN MENTERI</b>				
<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>GRED JAWATAN</b>	<b>BIL. PERJAWATAN</b>
1	Setiausaha Sulit Kanan	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M48 / M52	1
2	Pegawai Tugas-Tugas Khas	Terbuka	48 / 52 (Terbuka)	1
3	Setiausaha Sulit	Penolong Pegawai Tadbir/ Pegawai Tadbir/ Pegawai Tadbir & Diplomatik	N36 / N41 / M41	1
4	Pembantu Khas untuk SUSK	Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	N19 / N22	1
5	Pembantu Operasi	Pembantu Operasi	N11 / N14	1
<b>JUMLAH</b>				<b>5</b>

**JADUAL JUMLAH PENDAPATAN (JJP) DI PEJABAT MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI  
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2018**

Jawatan	Gred	Jadual Gaji		Imbuhan Tetap		BISH
		Minimum	Maksimum	ITP	ITKA / ITK	
Pegawai Tugas-Tugas Khas	54	6,930.10	13,251.00	900.00	800.00	300.00
	52	6,549.08	12,444.00	700.00	600.00	300.00
	48	5,908.27	11,764.00	700.00	550.00	300.00
Setiausaha Sulit Kanan	M54	6,930.10	13,251.00	900.00	800.00	300.00
	M52	6,549.08	12,444.00	700.00	600.00	300.00
	M48	5,908.27	11,764.00	700.00	550.00	300.00
	M44	5,160.60	10,530.00	400.00	400.00	300.00
Setiausaha Sulit	N44	5,078.76	10,406.00	400.00	400.00	300.00
	M41	4,808.50	9,631.00	300.00	300.00	300.00
	N41	4,733.00	9,546.00	300.00	300.00	300.00
	N36	4,413.61	7,506.00	300.00	220.00	350.00
Setiausaha Akhbar	54	6,809.02	13,138.00	900.00	800.00	300.00
	52	6,437.46	12,348.00	700.00	600.00	300.00
	48	5,804.51	11,632.00	700.00	550.00	300.00

**PANDUAN PENGIRAAN GAJI PERMULAAN  
MENGIKUT TEMPOH PENGALAMAN BAGI PELANTIKAN KONTRAK  
PEGAWAI DI PEJABAT MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI  
PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2018**

Tempoh Pengalaman (TP)	Gred	Gaji Permulaan	Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)
10 tahun	36	Gaji Minimum Gred 36 + TP selepas 10 tahun	RM180
0	41	Gaji Minimum Gred 41 + TP selepas genap 1 tahun	RM225
2 tahun	44	Gaji Minimum Gred 44 + TP selepas 2 tahun	RM250
5 tahun	48	Gaji Minimum Gred 48 + TP selepas 5 tahun	RM270
7 tahun	52	Gaji Minimum Gred 52 + TP selepas 7 tahun	RM290
9 tahun	54	Gaji Minimum Gred 54 + TP selepas 9 tahun	RM320